



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 70
No. 20

29hb September 2017

TAMBAHAN
No. 1

No. 3837.

STATUT DARJAH KERABAT YANG AMAT
DIHORMATI (D.K.II)

(Mohor
Darjah Kerabat)

BETA PERKENANKAN,

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

Dengan nama ALLAH Yang Maha Pemurah lagi Mengasihani, Segala Pujian bagi ALLAH, TUHAN sekalian Alam dan Rahmat dan Kesejahteraan ALLAH ke atas Nabi Muhammad S.A.W. dan ke atas semua Keluarga dan Sahabat-sahabat Baginda.

BETA, SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, Darjah Kerabat, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Seri Paduka Mahkota Selangor, Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah, Dato' Seri Paduka Mahkota Johor, dengan Kurnia ALLAH, Sultan dan Yang di-Pertuan bagi Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, selepas

berunding dengan Dewan di-Raja, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada BETA mengikut Perkara XXXVIII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959, berkenan mengadakan suatu Darjah Keperwiraan bernama Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.II) dan dengan ini membuat, melulus dan menetapkan Statut yang berikut bagi menerima kemasukan seseorang menjadi Ahli Bagi Darjah Kerabat tersebut di atas.

Nama dan permulaan kuat kuasa

I. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.II)** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1977.

Keahlian hendaklah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Pengganti-Pengganti

II. Keahlian Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.II) ini hendaklah dianugerahkan oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA selepas berunding dengan Dewan di-Raja.

Darjah Kerabat Kelas Kedua

III. Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.II) ini adalah merupakan Darjah Kerabat Kelas Kedua selepas Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati.

Had bilangan penerima

IV. Bilangan maksimum penerima bagi Darjah Kerabat ini hendaklah tidak melebihi 25 orang penerima dan sehingga seramai 10 orang daripada mereka boleh menjadi Ahli Kehormat.

Ahli-ahli Biasa

V. Mana-mana orang yang diterima masuk sebagai Ahli Biasa Darjah Kerabat ini hendaklah terdiri daripada Kerabat BETA yang Berdarah Raja yang BETA fikirkan layak dan sesuai dan juga mereka yang mungkin menyandang atau akan menyandang kemudian daripada ini Jawatan-jawatan Tinggi atau yang mungkin telah memberi atau kemudian daripada ini memberi perkhidmatan penting KEPADA BETA, atau mereka daripada Kerabat BETA yang berdarah Raja yang bakat-bakat, sifat-sifat Kemurnian, Kesetiaan atau Perkhidmatan mereka telah patut atau mungkin kemudian daripada ini patut diberi hadiah kasih sayang BETA.

Walaupun demikian, BETA mempunyai Kuasa dan Hak melantik sesiapa jua, selain mereka yang Berdarah Raja, iaitu mana-mana daripada Pegawai-pegawai BETA yang BETA fikirkan layak dan sesuai untuk dilantik dan jika pada bila-bila masa BETA melantik seseorang seperti ini menjadi seorang Ahli Darjah Kerabat ini maka ia hendaklah menyedari dan menghargai perbuatan BETA itu sebagai suatu Tanda Kurniaan dan Kasih Sayang yang amat berharga.

Ahli-ahli Kehormat

VI. Mana-mana orang yang diterima masuk sebagai Ahli Kehormat Darjah Kerabat ini hendaklah terdiri daripada Putera-Puteri, Raja-raja Negara Asing atau Ketua-ketua Negara dan mana-mana orang lain yang BETA fikirkan layak dan sesuai dipelawa dan yang telah memberi penghormatan kepada BETA dan Darjah Kerabat ini dengan menerima serta menjadi Ahli Kerabat ini.

Kalung

VII. Kalung Darjah Kerabat ini diperbuat daripada logam bersadurkan emas berukuran 101.6sm panjang yang dipakai sama labuhnya di bahagian hadapan dan belakang, mengandungi 14 karangan mata rantai yang bersambungan. 2 mata rantai di tengah-tengah mempunyai ukiran Lambang Negeri Selangor di atas bulan sabit dan 12 mata rantai yang lain berbentuk bulat. Di permukaannya terukir keris bersilang, berselang-seli dengan mata rantai yang mengandungi perkataan “Selangor” dalam huruf Jawi.

Bintang

VIII. Bintang Darjah Kerabat ini berwarna keemasan. Di permukaannya terdapat gubahan lingkaran Daun Kelapa yang timbul.

Lencana

IX. Lencana Darjah Kerabat ini berwarna enamel keemasan dan gubahan lingkaran Daun Kelapa yang timbul berwarna enamel merah.

Selepang

X. Selepang Darjah Kerabat ini diperbuat daripada kain sutera selebar 10.2sm dan mempunyai dua jalur merah di tengahnya. Ia dipakai di atas bahu sebelah kiri melintang ke bawah sebelah pinggang kanan.

Mohor

XI. Mohor Darjah Kerabat ini hendaklah mengandungi Lencana Darjah Kerabat ini.

Pegawai-pegawai

XII. Maka hendaklah dilantik seorang Canselor (Menteri) Darjah Kerabat dan Pendaftar Darjah Kerabat bagi pengurusan Darjah Kerabat ini.

Canselor Darjah Kerabat

XIII. Canselor Darjah Kerabat ini hendaklah dilantik oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA dari antara Ahli-ahli Darjah Kerabat ini dan hendaklah memegang Mohor Darjah Kerabat ini dan hendaklah menandatangantimbal semua waran yang ditandatangani oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA.

Pendaftar Darjah Kerabat

XIV. Pendaftar Darjah Kerabat ini hendaklah dilantik oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA dan dia hendaklah mencatatkan segala hal-ehwal yang berkaitan dengan Darjah Kerabat ini dalam suatu Daftar yang dibuat khusus bagi maksud itu.

Pembatalan dan pemansuhan keahlian

XV. BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA layak, melalui Waran yang ditandatangani oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA dan dimeteraikan dengan Mohor Darjah Kerabat ini, selepas berunding dengan Dewan di-Raja, untuk membatal dan memansuhkan penerimaan masuk mana-mana orang ke dalam Darjah Kerabat ini dan selepas itu nama orang yang berkenaan hendaklah dikeluarkan daripada Daftar.

Walaupun demikian, BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA layak untuk mengembalikan Darjah Kerabat mana-mana orang yang penerimaan kemasukannya telah dibatal dan dimansuhkan di bawah Statut ini.

Darjah Kerabat dikembalikan setelah dibatalkan atau dimansuhkan keahliannya

XVI. Sekiranya keahlian seseorang pemegang Darjah Kerabat ini dibatalkan atau dimansuhkan, orang itu hendaklah memulangkan Darjah Kerabat ini kepada Pendaftar Darjah Kerabat.

Pemulangan Darjah Kerabat Ahli Biasa yang meninggal dunia

XVII. Sekiranya seseorang Ahli Biasa Darjah Kerabat ini meninggal dunia, Darjah Kerabat yang sehingga pada masa itu dipakai olehnya hendaklah dipulangkan oleh warisnya atau wakilnya melainkan jika mereka menerima

suatu pemakluman bertulis daripada Canselor Darjah Kerabat yang menyatakan bahawa dengan Limpah Kurnia Sultan telah mengizinkan waris atau wakil Ahli yang meninggal dunia itu menyimpan Darjah Kerabat ini sebagai suatu Tanda Kasih Sayang dan kurniaan Sultan.

Darjah Kerabat Ahli-ahli Kehormat yang meninggal dunia tidak perlu dipulangkan

XVIII. Walau apa pun Statut XVI, waris atau wakil Ahli Kehormat yang telah meninggal dunia tidak perlu memulangkan Darjah Kerabat yang dipegangnya dan hanya dikehendaki memberi makluman bertulis berkenaan dengan kematian Ahli Kehormat tersebut kepada Pendaftar Darjah Kerabat.

Kecualian

XIX. Apa-apa Darjah Kerabat ini yang telah dikurniakan oleh Almarhum Sultan sebelum pemerintahan BETA hendaklah disifatkan telah dikurniakan secara sah kepada penerima Darjah Kerabat ini mengikut peruntukan Statut ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan dan dimansuhkan oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA.

Kuasa meminda Statut

XX. Akhir sekali, BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA sentiasa mempunyai kuasa penuh untuk memansuhkan, meminda, mengubah, menghapuskan, menambah, mentafsirkan atau membatalkan Statut ini atau mana-mana bahagiannya melalui suatu pemberitahuan oleh BETA atau PENGGANTI-PENGGANTI BETA dengan Mohor Darjah Kerabat ini.

Moga-moga ALLAH yang bagiNya segala pujian dan bagiNya nama yang Mulia dan Tertinggi, Raja bagi sekalian Raja, melimpahkan kurniaNya dan semoga Nabi Muhammad S.A.W akan memberkati Statut ini buat selama-lamanya.

Amin, Ya ALLAH, TUHAN bagi Sekalian Alam.

DIBERI di Istana Alam Shah di Klang di bawah Mohor Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (D.K.II) pada 8 Mac 2017 bersamaan dengan 9 Jamadilakhir 1438H, tahun Pemerintahan BETA.

Dengan titah perintah Duli Yang Maha Mulia,

*Setiausaha,
Dewan Di-Raja Selangor*

STATUTES OF THE MOST ESTEEMED ROYAL
FAMILY ORDER OF SELANGOR (D.K.II)

(Seal of the Order)

I ASSENT,

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

In the name of GOD, the Compassionate, the Merciful, Praise be to GOD, the Lord of the Universe, and may the Benediction and Peace of GOD be upon Our Leader Muhammad P.B.U.H. and upon all His Relations and Friends.

WE, SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, Darjah Kerabat, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Seri Paduka Mahkota Selangor, Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah, Dato' Seri Paduka Mahkota Johor, by the Grace of GOD, Sultan and Yang di-Pertuan of the State of Selangor Darul Ehsan and all its dependencies, after consultation with the Council of the Royal Court, in exercise of the powers conferred to US by Article XXXVIII of the Laws of the Constitution of Selangor 1959, being desirous of instituting an Order of Chivalry to be styled The Most Esteemed Royal Family Order of Selangor (D.K.II), do hereby make, ordain and establish the following Statutes for the admission to the aforementioned Order.

Citation and commencement

I. These Statutes shall be styled **the Statutes of The Most Esteemed Royal Family Order of Selangor (D.K.II)** and shall be deemed to have come into force on 1 January 1977.

Membership to be conferred by His Royal Highness the Sultan or Successors

II. The membership of this Order shall be conferred by US or OUR SUCCESSORS after consultation with the Council of the Royal Court.

Second Class Order

III. This Order is a Second Class Order after Most Esteemed Royal Family Order of Selangor.

Limitation number of recipients

IV. The maximum numbers of recipients for this Order shall not exceed 25 recipients and up to 10 of recipients whom may become the Honorary Members.

Ordinary Members

V. Any person to be admitted as the Ordinary Members of these Order shall be those of OUR Family of a Royal Blood whom WE may consider fit and proper and those who may hold or shall hereafter hold High Offices or may have rendered or shall hereafter have rendered important services to US, or those of OUR Family of Royal Blood whose talents, virtues, loyalty or services have merited or may hereafter merit the reward of OUR Affection.

Nevertheless, WE have the power and right to appoint any person other than those of Royal Blood, to wit, such of OUR Officers as WE may consider fit and proper to be appointed and if at any time WE appoint such a person to be a member of this Order he or she shall realise and appreciate OUR act as a sign of greatest Favour and Affection.

Honorary Members

VI. Any person to be admitted as the Honorary Members of this Order shall be Princes and Princesses, Foreign Rulers or Heads of State and any other person who WE may consider fit and proper to invite and who may do US and this Order the honour to accept and join this Order.

The Collar

VII. The Collar (Chain) of this Order is made of gold-plated metal 101.6cm long to be worn in equal distance back and front and shall be composed of these links of 14 links. The 2 central links containing a pierced cypher of the Selangor Crest superimposed on a Crescent and the remaining 12 links shall be circular in shape. A crossed dagger engraved on its surface alternating with the links bearing the word "Selangor" in Jawi script.

The Star

VIII. The Star of this Order is golden in colour. There are arrangements of raised wreath of Palm Leaves on the surface.

The Badge

IX. The Badge of this Order is golden enamel and surrounded by a raised wreath of Palm Leaves in red enamel.

The Riband

X. The Riband of this Order is made of silk fabric 10.2cm in width and has two red stripes in the middle. It is to be worn over the left shoulder resting on the right hip.

The Seal

XI. The Seal of this Order shall bear the Badge of this Order.

Officers

XII. There shall be appointed a Chancellor (Menteri) of the Order and a Registrar of the Order for the management of this Order.

The Chancellor of the Order

XIII. The Chancellor of this Order shall be appointed by US or OUR SUCCESSORS from amongst the Members of this Order and shall hold the Seal of the Order and shall countersign all Warrants signed by US or OUR SUCCESSORS.

The Registrar of the Order

XIV. The Registrar of this Order shall be appointed by US or OUR SUCCESSORS and he shall record all proceedings connected with this Order in a Register appropriated for that purpose.

Cancellation and annulment of membership

XV. It shall be competent for US or OUR SUCCESSORS, by a Warrant signed by US or OUR SUCCESSORS and sealed with the Seal of this Order, after consultation with the Council of the Royal Court, to cancel and annul the admission of any person to this Order and thereupon his name shall be taken out of the Register.

Nevertheless, it shall be competent for US or OUR SUCCESSORS to restore this Order to any person whose admission may have been so cancelled and annulled under these Statutes.

The Order to be returned on cancellation or annulment of membership

XVI. If the membership of the holder of this Order is cancelled or annulled, the person shall return this Order to the Registrar of the Order.

Return of the Order of deceased Ordinary Members

XVII. If any Ordinary Member of this Order dies, the Order worn by the deceased then shall be returned by the heirs or representatives of the said deceased Member, unless they received a written intimation from the Chancellor of this Order, that it is the Gracious Pleasure of the Sultan to permit the retention of such Order by the heirs or representatives of the deceased Member as a sign of Royal Affection and Favour.

The Order of deceased Honorary Members not to be returned

XVIII. Notwithstanding Statute XVI, the heirs or representatives of the deceased Honorary Member will not be required to return the Order held by the deceased Honorary Member and will only be required to send a written notification of the death of such Honorary Member to the Registrar of the Order.

Savings

XIX. Any conferment of this Order by the late Sultan before OUR reign shall be deemed to be conferred rightfully to the recipients of this Order in accordance of these Statutes and shall continue to have effect until revoked and annulled by US or OUR SUCCESSIONS.

Power to alter Statutes

XX. Lastly, WE or OUR SUCCESSIONS at all times reserve to OURSELVES or OUR SUCCESSIONS, full power of annulling, amending, altering, abrogating, augmenting, interpreting or dispensing with these Statutes or any part thereof by a notification signed by US or OUR SUCCESSIONS and sealed with the Seal of this Order.

May GOD to Whom be praise and Whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His Grace and may the Prophet Muhammad P.B.U.H. grant HIS blessing to these Statutes for ever and ever.

Amen, O Lord of the Universe.

GIVEN at Istana Alam Shah Klang under the seal of the said The Most Esteemed Royal Family Order of Selangor (D.K.II) on the 8 March 2017 corresponding to 9 Jamadilakhir 1438H, of OUR Reign.

By His Highness's Command,

*Secretary,
Council Of The Royal Court*

Hakcpta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA